



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

(Ministry of Higher Education Malaysia)

Ara 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62200 Putrajaya

Malaysia

Talian Terus (DL): 03-8870 5051


Talian Am (GL): 03-8870 6000

Faks: 03-8870 6806

URL: <http://www.mohe.gov.my>KETUA SETIAUSAHA  
(SECRETARY GENERAL)

Ruj. Kami : JPT.R.3000/011/026 Jld. 3/1

Tarikh : 9 Januari 2013



SEMUA NAIB CANSOLOR IPTA DAN KETUA EKSEKUTIF IPTS

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,

PENGLIBATAN PELAJAR IPT DALAM HIMPUNAN KEBANGKITAN RAKYAT KL 112 PADA 12 JANUARI 2013 DI KUALA LUMPUR.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. sedia maklum bahawa satu Himpunan Kebangkitan Rakyat KL112 akan diadakan oleh pihak-pihak tertentu pada 12 Januari 2013 di Kuala Lumpur. Difahamkan penganjur menyasarkan himpunan ini dihadiri oleh 1 juta orang peserta. Di antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dijangka menyertai himpunan ini adalah BERSIH, Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Persatuan Anak Peneroka FELDA Kebangsaan (ANAK) dan Gerakan Mansuh ISA (GMI).

3. Oleh yang demikian, sukacita saya memohon kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. untuk menasihati pelajar masing-masing agar tidak terlibat dengan perhimpunan haram dan apa jua aktiviti yang tidak memberi manfaat kepada pelajar sehingga mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulul dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DAFUR AB. RAHIM BIN MD. NOOR)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k : Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi